

16/05/2002

Hubungan Malaysia, Amerika lebih mantap (HL)

Rejal Arbee

WASHINGTON DC, Rabu - Kedua-dua pucuk pimpinan Malaysia dan Amerika Syarikat melahirkan keyakinan hubungan politik mereka yang terjejas untuk beberapa tahun kebelakangan ini, kini akan bergerak di landasan lebih mantap untuk kebaikan bersama.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden George W Bush menyatakan mereka menghargai hubungan yang lebih akrab antara kedua-dua negara kerana ia boleh membawa kepada kerjasama erat dalam pelbagai bidang untuk kepentingan bersama.

Bush berkata, beliau menghargai fungsi Malaysia membantu menangani kejadian keganasan, khususnya sebagai negara Islam yang moden, sederhana dan makmur.

Dr Mahathir pula berkata, sebelum ini Malaysia dianggap tidak penting, tetapi sejak akhir-akhir ini Amerika telah memberi perhatian yang lebih dan keadaan itu memberi banyak harapan kepada Malaysia.

Hubungan Malaysia dan Amerika kini bertambah baik berbanding ketika pentadbiran bekas Presiden Ronald Reagan dan Bill Clinton kerana Malaysia tidak mendapat perhatian.

"Yang jelas sikap pentadbiran Amerika (sekarang terhadap Malaysia) sudah banyak berubah. Keadaan sekarang adalah lebih baik dari dulu dan hubungan yang lebih positif telah wujud," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir pada hari kedua lawatannya ke Washington mengadakan pertemuan dengan Presiden Bush di Rumah Putih dan membincangkan pelbagai perkara dua hala serta perkembangan antarabangsa.

Perdana Menteri memberitahu wartawan Malaysia yang mengikuti lawatannya beliau puas hati dengan hasil perbincangan yang diadakan secara berasingan dengan Bush dan beberapa anggota pentadbirannya, termasuk Naib Presiden Dick Cheney, Penasihat Keselamatan Dr Condoleezza Rice, Setiausaha Perbendaharaan Paul O'Neil, Pemangku Setiausaha Negara, Richard Armitage, Wakil Perdagangan AS, Robert Zoellick serta 10 anggota Jawatankuasa Hubungan Luar Senat sepanjang hari.

Perbincangannya dengan Bush banyak berkisar mengenai soal keganasan dan Dr Mahathir telah menjelaskan pendirian Malaysia berhubung isu itu.

Beliau juga dijadual mengadakan perbincangan berasingan pada pagi ini (malam ini waktu Malaysia) dengan Setiausaha Pertahanan Donald Rumsfeld dan Pengerusi Lembaga Simpanan Persekutuan, Alan Greenspan.

Dalam perbincangan dengan O'Neil dan Zoellick, Dr Mahathir menimbulkan soal pentingnya kerangka kewangan antarabangsa sekarang dikaji semula supaya wang tidak lagi dimanipulasi oleh spekulator mata wang.

Beliau memberi contoh negara Yugoslavia yang terpaksa mengeluarkan wang kertas yang sudah tidak bernilai lagi dengan nilai muka berbilion.

Inilah akibatnya terhadap mata wang sekiranya ia terus boleh diperdagangkan sebagai suatu barang yang boleh dispekulasi.

Perbincangan dengan Rumsfeld pula akan berkisar terhadap kerjasama yang lebih erat antara pasukan tentera kedua-dua negara dengan Amerika terus menerima anggota tentera menjalani latihan di beberapa pangkalan tenteranya.

Amerika juga berhasrat menjual jet pejuangnya F18 Hornet. Malaysia juga sedang menilai jet pejuang Russia Sukhoi 32.

Dr Mahathir berkata, pertemuan berasingan itu memberi peluang kepadanya untuk menjelaskan pendirian Malaysia terhadap pelbagai perkara dan isu termasuk soal pengganas antarabangsa dan keadaan di Timur Tengah yang

bersangkutan dengan penubuhan sebuah negara Palestin.

Dr Mahathir menjelaskan pendirian Malaysia terhadap pengganas dan pendekatannya untuk menghapuskan perjuangan demikian.

Beliau juga memberi penjelasan terhadap pendirian Malaysia bahawa di samping Malaysia mengutuk kejadian keganasan di mana orang awam menjadi sasaran, soal kenapa muda mudi sanggup menjadi pejuang berani mati harus dikaji secara teliti.

Bush bila ditanya mengenai perkara itu berkata ada dua jenis pengganas.

Pertama, muda mudi yang mengangkat senjata kerana sudah berputus asa dan berperasaan mereka tidak lagi mempunyai masa depan. Mereka ini masih boleh dipulihkan.

Tetapi mereka yang terdiri dari kumpulan tegar, tidak dapat diterima kembali. Mereka ini perlu dicari dan dihapuskan melalui gerakan ketenteraan serta mendapatkan maklumat bagi menyekat penyaluran wang kepada mereka supaya mereka tidak boleh bergerak.

Menjawab satu pertanyaan wartawan Amerika, Dr Mahathir berkata ada maklumat menunjukkan kaitan antara kumpulan yang hendak menjatuhkan kerajaan di Malaysia dengan kumpulan Al-Qaeda.

Mereka berhasrat menubuhkan sebuah kerajaan Islam di Nusantara merangkumi Malaysia, Indonesia dan selatan Filipina dengan harapan ia menjadi sebuah negara Islam.

Dr Mahathir berkata, ada antara kumpulan yang ditahan di Malaysia belajar di Pakistan.

Mereka kemudian masuk ke Afghanistan dan bagi mereka ini ada tanda-tanda memang mempunyai hubungan dengan Al-Qaeda.

Malaysia juga menyatakan pendirian terhadap pentingnya sebuah negara Palestin diwujudkan dengan ditetapkan sempadannya. Perkara penempatan orang Yahudi juga perlu diatasi.

Beliau juga menimbulkan keputusan parti pemerintah Israel Likud menolak penubuhan negara Palestin yang tidak menolong meredakan suasana peperangan di situ.

Dr Mahathir berkata, dalam mana-mana sengketa akan wujud puak yang menentang usaha damai kerana mempunyai agenda masing-masing yang tersendiri.

(END)